

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI  
KASTAM DI RAJA MALAYSIA  
KUALA TERENGGANU

DISEDIAKAN OLEH :

AHMAD ZAID BIN KAMARUDDIN  
SARJANA MUDA PENGURUSAN  
( MARITIM )

LAPORAN LATIHAN INDUSTRI DISERAHKAN KEPADA  
JABATAN PENGURUSAN DAN PEMASARAN  
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI  
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA  
( KUSTEM )

2005

KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA (KUSTEM)

1100039881

LJ 4 FPE 2 2005



1100039881

1100059881 Laporan akhir latihan industri di Kastam Di Raja Malaysia / Ahmad Zaid Kamaruddin.

PERPUSTAKAAN

KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA  
21030 KUALA TERENGGANU

1100039881

1100039881

Lihat sebelah

HAK MILIK  
PERPUSTAKAAN KUSTEM

LJ  
4  
TPE  
2  
2005

# **LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI KASTAM DI RAJA MALAYSIA KUALA TERENGGANU**

**Disediakan Oleh :**

**AHMAD ZAID BIN KAMARUDDIN  
SARJANA MUDA PENGURUSAN (MARITIM)**

**Laporan Latihan Industri Diserahkan kepada**

**Jabatan Pengurusan Dan Pemasaran  
Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi  
Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia  
(KUSTEM)**

**2005**

**1100039881**

## Pengesahan Keaslian Laporan

Dengan ini saya **AHMAD ZAID BIN KAMARUDDIN** mengaku bahawa laporan Latihan Industri bagi kursus **PGN 4799** adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya yang berdasarkan kepada pengaplikasikan teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani Latihan Industri semata-mata. Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.


Tandatangan



**Nama :** AHMAD ZAID BIN KAMARUDDIN

**Tarikh:** 22 / 2005

**Disahkan Oleh:**



Cik Wan Mariam Hanti Wan Abdullah

**Penyelia KUSTEM**

**b/p Pengurus Latihan Industri**

**Fakulti Pengurusan dan Ekonomi**

**KUSTEM**

## **PENGHARGAAN**

Pertama sekali pelatih ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ucapan terima kasih pelatih kepada Cik Wan Mariam Binti Wan Abdullah, sebagai penyelia latihan industri KUSTEM, di atas segala tunjuk ajar, bantuan serta nasihat yang telah diberikan sebelum dan sepanjang tempoh pelatih menjalani latihan industri. Tanpa kesudian beliau dalam memberikan tunjuk ajar dan garis panduan kepada pelatih, laporan ini tidak dapat disiapkan dengan jayanya. Kerjasama yang diberikan oleh beliau amatlah dihargai.

Seterusnya, ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga pelatih ucapkan kepada pihak JABATAN KASTAM KUALA TERENGGANU, di atas kesudian pihaknya menerima pemohonan dan mengambil pelatih untuk membuat latihan industri di sana, terutamanya Tuan Bedolah Bin Botok, Pengarah Kastam Negeri yang telah memberi peluang kepada pelatih untuk mengalami sendiri suasana kerja yang sebenar.

Tidak ketinggalan juga, pelatih ingin mengucapkan terima kasih kepada Encik Mokhtar Bin Embong sebagai penyelia industri yang telah banyak memberi tunjuk ajar kepada pelatih sepanjang berada di sana. Beliau juga selaku pengurus sumber manusia di Jabatan Kastam Kuala Terengganu walaupun sibuk dengan tugasannya namun masih sempat memberikan teguran-teguran yang

berguna kepada pelatih. Teguran-teguran yang diberikan akan pelatih gunakan untuk kegunaan masa depan terutama semasa mendapat pekerjaan.

Selain itu, ucapan terima kasih juga pihak-pihak yang terlibat sepanjang tempoh latihan industri terutama kakitangan serta staf-staf JABATAN KASTAM KUALA TERENGGANU yang telah banyak memberikan tunjuk ajar kepada pelatih serta memberi peluang kepada pelatih untuk merasai keadaan sebenar bidang pekerjaan.

**AHMAD ZAID BIN KAMARUDDIN**  
**Sarjana Muda Pengurusan (Maritim)**  
**Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM)**

## RINGKASAN EKSEKUTIF

Latihan Industri adalah bertujuan melatih pelajar supaya dapat menyesuaikan diri dengan suasana kerja yang sebenar dan juga memberi peluang kepada mereka menimba ilmu pengetahuan serta pengalaman. Pelatih telah menjalani latihan industri di Jabatan Kastam di Kuala Terengganu, Terengganu Daruliman. Pelatih telah menjalani latihan industri selama 3 bulan. Pelatih telah ditempatkan kepada tiga bahagian iaitu Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Bahagian Pencegahan dan Risikan serta di Cawangan Marin. Pelatih telah menganalisa sistem selenggaraan bot berjadual, sistem cuti berkomputer dan juga sistem aplikasi pencegahan dalam tempoh latihan industri ini. Hasil daripada analisis ini, terdapat tiga masalah yang dihadapi dan menganggu kelancaran operasi jabatan. Cawangan Marin adalah cawangan yang dipertanggungjawabkan menjaga bot-bot yang terdapat di Jabatan Kastam. Sistem selenggaraan bot berjadual diuruskan di cawangan ini. Masalah yang paling utama ialah kerja yang tidak mengikut jadual. Bagi sistem cuti berkomputer, masalah yang paling utama ialah perlakunya pertindihan cuti. Bagi sistem aplikasi pencegahan pula menghadapi masalah maklumat yang diterima. Punca-punca kepada masalah ini sekiranya tidak diatasi akan menyebabkan sistem kerja tenganggu dan sekaligus menjelaskan prestasi jabatan. Selain itu, objektif sistem juga tidak tercapai. Justeru itu, menerusi laporan ini pelatih turut memberikan beberapa cadangan penyelesaian masalah yang timbul. Secara keseluruhannya, pelatih berharap hasil daripada penemuan dan cadangan penyelesaian masalah yang dijalankan oleh pelatih dapat membantu kelancaran operasi jabatan.